




Karya Merdeka
Travel & Tours Sdn Bhd
凯雅旅游有限公司
1048973-U KPK/LN/7526

SOKA
MUSLIM FRIENDLY TRAVEL

TOUR CODE:
WMC09-TK

12H9M SPAIN + MOROCCO + PORTUGAL



KOTA YANG DBINA PADA ABAD KE-11 INI MENEMPATKAN KOMPLEKS ISTANA, PENTADBIRAN DAN TAMAN ZAMAN ANDALUSIA MERUPAKAN TARIKAN UTAMA DI RABAT DAN JUGA MENAWARKAN PEMANDANGAN PANORAMA LAUTAN ATLANTIK.

12H9M

SPAIN + MOROCCO + PORTUGAL

SOKA
MUSLIM FRIENDLY TRAVEL

TOUR CODE:
WMC09-TK



Karya Merdeka
Travel & Tours Sdn Bhd
凯雅旅游有限公司
1048973-U KPK/LN/7526

HARI 01 KUALA LUMPUR - ISTANBUL

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Casablanca transit Istanbul.

HARI 02 ISTANBUL - CASABLANCA - MARRAKESH

Lawatan di **Casablanca**:

- **Hassan II Mosque**: Masjid ke-7 terbesar di dunia yang mampu memuatkan 105,000 jemaah dengan menara masjidnya 210m ke-2 tertinggi di dunia.

Bermalam di **Marrakesh**.

HARI 03 MARRAKESH - RABAT

Lawatan di **Marrakesh**:

- **Jemaa el-Fnaa**: Dataran yang menampilkan pelbagai tarikan tradisi negara ini yang sangat luar biasa terutamanya pasar malam di mana terdapat pelbagai gerai menjual pelbagai jenis makanan, persembahan jalanan, pertunjukan akrobatik dan juga terdapat kawasan bazaar (dipanggil Medina) yang menjual jubah, tudung dan rempah-ratus.
- **Bahia Palace**: Istana kediaman pemerintah kota ini yang dibina pada tahun 1900 dengan ukiran, perhiasan dan dekorasi yang cukup cantik berseni dan laman yang indah.
- **Koutoubia Mosque**: Masjid yang penuh bersejarah ini dibina pada tahun 1158 dengan menara setinggi 77m dan binaannya menjadi sumber inspirasi kepada Giralda Tower di Seville dan Hassan Tower di Rabat.

Bermalam di **Rabat**.

HARI 04 RABAT - TANGIER

Lawatan di **Rabat**:

- **Kasbah of the Udayas**: Kota yang dbina pada abad ke-11 ini menempatkan kompleks istana, pentadbiran dan taman zaman Andalusia merupakan tarikan utama di Rabat dan juga menawarkan pemandangan panorama Lautan Atlantik.
- **Hassan Tower**: Menara ini asalnya merupakan sebahagian dari projek pembinaan salah satu masjid terbesar dunia di tapak ini tetapi tergendala pada tahun 1150 selepas kemangkatan raja.
- **Mausoleum of Mohamed V**: Makam raja Morocco yang dibina pada tahun 1971 dengan rekaan yang cukup gah dan artistik mengikut senibina tradisional Morocco.
- **Royal Palace**: Istana rasmi kediaman raja Morocco yang dibina sejak 1864 dikenali dengan nama Dar Al-Makhzen dan pintu masuk utamanya menjadi lokasi tumpuan untuk pelancong berfoto.

Bermalam di **Tangier**.

HARI 05 TANGIER - TARIFA - GRANADA

Lawatan di **Granada**:

- **Alhambra Palace**: Mercu tanda utama di Granada dan menjadi bukti kebesaran pemerintahan Islam di Spain ratusan tahun dahulu. Asalnya dibina pada kurun ke-9 sebagai kubu pertahanan dan ditukar menjadi sebuah istana pada kurun ke-11. Binaan istana juga dipenuhi dengan ukiran khat ayat-ayat suci Al-Quran, air pancut yang dikelilingi ukiran singa dan taman bunga yang menawan.
- **The Generalife**: Istana rehat musim panas yang dibina pada kurun ke-13 oleh keluarga diraja Nasrid dengan kolam, patio dan taman bunga yang sungguh menakjubkan.
- **Albayzin Muslim Quarters**: Kawasan penempatan yang masih banyak mengekalkan senibina Islam ini merupakan kawasan yang tertua di kota ini sejak dari kurun ke-11 lagi. Antara yang masih boleh dilihat ialah tembok kota, pintu gerbang Puerta Monaita, menara Almohad yang kini sebahagian dari gereja San Juan dan juga rumah-rumah binaan kurun ke-14.
- **Grand Mosque of Granada**: Siap dibina pada tahun 2003, masjid ini menawarkan lokasi paling menarik untuk mengambil foto panorama Alhambra Palace yang terletak di seberang bukit masjid ini.

Bermalam di **Granada**.

HARI 06 GRANADA - CORDOBA - SEVILLE

Lawatan di **Cordoba**:

- **Mosque-Cathedral of Cordoba**: Masjid yang dikira antara yang terbesar di Eropah ini telah diubah suai menjadi gereja setelah kejatuhan empayar Islam. Antara kesan masjid yang masih boleh dilihat termasuklah ukiran ayat suci Al-Quran di dinding masjid, tiang, menara dan mihrab.
- **Roman Bridge**: Jambatan zaman Rom yang menakjubkan di kota ini dibina pada abad pertama SM dan merentasi Sungai Guadalquivir sepanjang 331m.
- **Calahorra Tower**: Pada asalnya ia adalah pintu gerbang melengkung antara dua menara. Selepas direnovasi pintu gerbang ini menjadi menara berbentuk silinder ketiga yang menghubungkan dua bahagian luar.

Bermalam di **Seville**.

HARI 07 SEVILLE - LISBON

Lawatan di **Seville**:

- **Torre del Oro**: Menara yang terletak di tepi sungai di tengah kota Sevilla setinggi 36 meter yang dibina pada tahun 1220.
- **Plaza de Espana**: Bangunan yang sangat menarik reka bentuknya yang terletak di dalam kawasan Maria Luisa Park dan terdapat kolam air pancur besar di tengahnya serta lukisan sepanjang tembok yang menceritakan sejarah kegemilangan Sepanyol.
- **Giralda Tower**: Asalnya adalah bahagian menara masjid besar, tetapi sebahagian besar masjid ini musnah dan hanya menara ini yang terselamat. Kini ianya menjadi loceng gereja gaya Renaissance.
- **Royal Alcazars of Seville**: Istana diraja di Seville yang dibina khas oleh orang Kristian Castilian untuk Raja Kristian dari Castile. Istana ini adalah contoh seni bina Mudejar yang terkenal di Semenanjung Iberia tetapi menampilkan elemen reka bentuk Goth, Renaissance dan Romanesque.

Bermalam di **Lisbon**.

HARI 08 LISBON

Lawatan di **Lisbon**:

- **Jeronimos Monastery**: Biara besar yang sangat cantik dengan senibina yang menakjubkan.
- **Belem Tower**: Monumen yang didirikan sebagai pintu masuk ke kota Lisbon dan sebagai pertahanan terhadap sebarang ancaman dan pencerobohan.
- **Monument of the Discoveries**: Tugu peringatan yang dibina sempena mengingati kapal pertama yang berlayar ke Lautan Hindi untuk memulakan perdagangan dengan India dan negara serantau lain pada abad ke-15.
- Bersolat di **Central Mosque of Lisbon** yang merupakan masjid ketiga terbesar di Eropah dibina pada 1985.
- Masa bebas untuk bersiar-siar dan membeli-belah di **Rossio Square, Praca do Comercio** dan **Freeport Fashion Outlet**.

Bermalam di **Lisbon**.

HARI 09 LISBON - MERIDA - TOLEDO - MADRID

Lawatan di **Merida**:

- **Temple of Diana**: Binaan zaman ancient Rom yang masih kukuh sehingga ke hari ini dengan 18 tiang column yang tinggi di keliling temple ini.
 - **Porch of the Forum**: Merupakan sebuah kawasan forum zaman Rom yang dibina pada abad pertama lagi dan tiang-tiang forum masih lagi berdiri.
 - **The Alcazaba**: Asalnya merupakan kota pertahanan Moorish yang pertama di Spain, dibina oleh Abd ar-Rahman II pada tahun 855.
 - **Arch of Tarjan**: Pintu gerbang setinggi 15m binaan zaman ancient Rom.
- Lawatan di **Toledo**:
- **Puerta de Bisagra**: Pintu gerbang bandar Toledo yang dibina pada abad ke-10 pada zaman Taifa Moor Toledo di Al-Andalus Islam.
 - **Mosque of Cristo de la Luz**: Masjid bersejarah yang dibina pada tahun 999 semasa pemerintahan Moorish sebelum ditukarkan menjadi gereja.
 - **Alcantara Bridge**: Jambatan yang dibina oleh Rom pada zaman pertengahan merentasi Sungai Tanguis.

- Masa bebas di **Plaza de Zocodover** untuk membeli-belah cenderamata atau bersiar-siar.
- Bermalam di **Madrid**.

HARI **10** | MADRID SP/MT/MM

Lawatan di **Madrid**:

- Gran Via**: Jalan utama di Madrid yang digelar "Spanish Broadway" ini juga adalah salah satu kawasan membeli-belah terpenting di bandar Madrid.
 - Cibeles Fountain**: Arca dan senibina air pancut yang terletak di tengah-tengah Plaza de Cibeles yang menjadi salah satu ikon di tengah bandar Madrid.
 - Neptune Fountain**: Sebuah air pancut yang terletak di tengah bandar Madrid mewakili Neptunus iaitu dewa air Rom.
 - Masa bebas untuk bersiar-siar dan membeli-belah di **Puerta del Sol** dan **Plaza Mayor** yang berdekatan dengan istana rasmi kediaman raja Sepanyol, Royal Palace.
 - Bersolat di **Madrid Central Mosque** yang merupakan Pusat Islam di Madrid dan juga ibu pejabat komuniti Islam Sepanyol dibina pada 1988.
 - Membeli-belah barangan berjenama seperti Armani, Coach, Ralph Lauren yang menawarkan diskaun sehingga 60% di **Las Rozas Village Outlet**.
- Bermalam di **Madrid**.

HARI **11** | MADRID - ISTANBUL SP

Menaiki penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.

HARI **12** | KUALA LUMPUR

Tiba di KLIA.

PERTUKARAN MATA WANG



SPAIN & PORTUGAL
EURO EUR 1 = MYR 5.20



Morocco Dirham
MAD 1 = MYR 0.47



Musim Panas:
Jun - Ogos



Musim Luruh:
Sept - November



Musim Sejuk:
Disember - Feb



Musim Bunga:
Mac - Mei



PERBEZAAN WAKTU

Morocco: GMT+1 | Spain: GMT+1 | Portugal: GMT+1
Malaysia: GMT+8



TOUR HIGHLIGHTS



1. ALHAMBRA PALACE

Mercu tanda utama di Granada dan menjadi bukti kebesaran pemerintahan Islam di Spain ratusan tahun dahulu. Asalnya dibina pada kurun ke-9 sebagai kubu pertahanan dan ditukar menjadi sebuah istana pada kurun ke-11.



2. CORDOBA MOSQUE

Masjid yang dikira antara terbesar di Eropah ini telah diubahsuai menjadigereja setelah kejatuhan empayar Islam. Antara kesan masjid yang masih boleh dilihat termasuklah ukiran ayat suci Al-Quran di dinding masjid, tiang, menara dan mihrab.



3. MASJID HASSAN II

Masjid ke-7 terbesar di dunia yang mampu memuatkan 105,000 jemaah dengan menara masjidnya 210m yang ke-2 tertinggi di dunia.



4. BAHIA PALACE

Berfoto di Pliva Waterfall yang setinggi 27m dan Watermills Open Air Museum yang cukup unik dengan binaan 20 buah rumah kincir air kayu di atas Pliva River di Jajce.

Hotel Penginapan 3* Hotel

BANDAR	BIL. MALAM
Marrakesh	1 Mlm
Rabat	1 Mlm
Tangier	1 Mlm
Granada	1 Mlm
Seville	1 Mlm
Lisbon	2 Mlm
Madrid	2 Mlm

Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Tiket masuk ke tempat lawatan: **Alhambra Palace**, **The Generalife** dan **Grand Mosque of Granada**.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Pengangkutan feri dari **Tangier** ke **Tarifa**.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

Jadual Penerbangan



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	TK 61	KUL - IST	2345	0605+1
2	TK 617	IST - CMN	1150	1450
11	TK 1860	MAD - IST	1740	0005+1
12	TK 60	IST - KUL	0155	1705

Harga Pakej Tak Termasuk

- Kos ujian antigen atau PCR COVID-19 sekiranya disyaratkan oleh negara dilawati.
- Travel & Covid-19 Insurans - Hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans yang sesuai.
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam aturcara program dan pakej termasuk.